

Tarikh Berkuat Kuasa: 29 Oktober 2025

**TERMA DAN SYARAT
PRODUK TAKAFUL**

PENTING

Produk Takaful ini ditaja jamin oleh Zurich Takaful Malaysia Berhad (No. Pendaftaran: 200601012246 (731996-H)) dan Zurich General Takaful Malaysia Berhad (No. Pendaftaran: 201701045981 (1260157-U)), dan diedarkan oleh AEON Bank (M) Berhad (No. Pendaftaran: 202201026163 (1471860-K)).

Produk Takaful ini tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan di sini, [Terma Penggunaan Am](#) AEON Bank, dokumen yang disenaraikan dalam Klausula 4.2 di bawah serta semua terma dan syarat berkenaan yang lain seperti dinyatakan dalam Aplikasi AEON Bank dan Portal Pelanggan Zurich ("**Terma dan Syarat ini**").

Ahli adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum menyertai Produk Takaful.

1. Definitions

Terms	Definition
"AEON Bank" atau "Bank"	Merujuk kepada AEON Bank (M) Berhad, iaitu pengedar sah bagi Produk Takaful.
"Aplikasi AEON Bank"	Merujuk kepada aplikasi mudah alih yang digunakan untuk mengakses perkhidmatan AEON Bank.
"Akaun Simpanan-i AEON Bank"	Merujuk kepada akaun simpanan patuh Syariah yang ditawarkan oleh AEON Bank.
"Pelanggan"	Merujuk kepada pelanggan AEON Bank.
"Tempoh Ihsan"	Merujuk kepada tempoh selepas tarikh caruman perlu dibayar, di mana caruman masih boleh dibuat oleh Ahli tanpa menjejaskan kesinambungan perlindungan, seperti yang dinyatakan dalam helaian pendedahan produk bagi Produk Takaful yang berkenaan.
"Ahli"	Merujuk kepada pelanggan individu yang memohon, mencarum, dan dilindungi di bawah Sijil bagi Produk Takaful.
"Peserta"	Merujuk kepada pemilik Sijil induk iaitu AEON Bank.
"Pengendali Takaful"	Merujuk kepada Zurich Takaful Malaysia Berhad dan Zurich General Takaful Malaysia Berhad.
"Sijil"	Merujuk kepada dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh Pengendali Takaful kepada Peserta dan Ahli sebagai bukti penyertaan dalam Produk Takaful.
"Produk Takaful"	Merujuk kepada produk takaful yang tersedia untuk disertai oleh Pelanggan melalui Aplikasi AEON Bank.

"Portal Pelanggan Zurich"

Merujuk kepada laman web dan/atau aplikasi MyZurichLife.

2. Kriteria Kelayakan

2.1 Untuk layak menyertai Produk Takaful, seorang Pelanggan mestilah memenuhi semua kriteria berikut:

- (a) Mempunyai Akaun Simpanan-i AEON Bank yang aktif;
- (b) Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia;
- (c) Berumur antara 18 hingga 59 tahun (pada hari lahir terakhir);
- (d) Lulus soalan penilaian risiko (*underwriting*) yang ditetapkan oleh Pengendali Takaful; dan
- (e) Lulus semua saringan latar belakang dan/atau semakan sekatan yang dijalankan oleh Pengendali Takaful.

2.2 Pelanggan berikut tidak layak untuk menyertai dan mencarum dalam Produk Takaful:

- (a) Pelanggan yang Akaun Simpanan-i AEON Bank mereka telah ditamatkan/tidak aktif, ditutup, delinkuen atau dikendalikan dengan cara yang dianggap tidak memuaskan; dan/atau
- (b) Pelanggan yang tidak lagi waras dari segi mental, meninggal dunia, diisytiharkan mufliis atau mempunyai prosiding undang-undang dalam apa-apa bentuk yang dimulakan terhadap mereka.

3. Butiran Produk Takaful

3.1 Penyertaan dalam Produk Takaful

- 3.1.1 Ahli hanya boleh menyertai Produk Takaful melalui Aplikasi AEON Bank. Setelah penyertaan berjaya, Ahli berhak mendapat tempoh semakan percuma selama lima belas (15) hari, bermula dari tarikh penyerahan Sijil ("**Tempoh Semakan Percuma**").
- 3.1.2 Ahli mengakui dan bersetuju bahawa maklumat peribadi tertentu diperlukan bagi tujuan menyertai Produk Takaful. Ahli bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan semua maklumat yang diberikan kepada AEON Bank dan/atau Pengendali Takaful berkaitan dengan penyertaannya dalam Produk Takaful adalah benar, tepat, lengkap dan terkini.
- 3.1.3 Sebarang maklumat yang salah, tidak tepat, tidak lengkap atau mengelirukan yang diberikan oleh Ahli boleh menjejaskan kesahihan, skop perlindungan atau kebolehlaksanaan Produk Takaful. AEON Bank dan Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, kerosakan, penolakan tuntutan atau akibat lain yang timbul daripada atau berkaitan dengan maklumat yang diberikan oleh Ahli.

3.2 Pembayaran Caruman

- 3.2.1 Produk Takaful ditawarkan berdasarkan caruman bulanan di bawah satu Sijil tahunan. Perlindungan di bawah Produk Takaful hanya akan bermula setelah bayaran penuh caruman awal diterima oleh Pengendali Takaful.
 - 3.2.2 Ahli hendaklah membuat setiap bayaran caruman bulanan dalam Tempoh Ihsan.
 - 3.2.3 Caruman akan didebitkan secara automatik daripada Akaun Simpanan-i AEON Bank milik Ahli, seperti yang dibenarkan oleh Ahli, dalam Tempoh Ihsan.
 - 3.2.4 Jika caruman yang diperlukan tidak diterima sepenuhnya oleh Pengendali Takaful pada akhir Tempoh Ihsan, Sijil akan terbatal dan perlindungan di bawah Produk Takaful akan ditamatkan tanpa sebarang notis lanjut kepada Ahli.
 - 3.2.5 Ahli mengakui dan bersetuju bahawa adalah tanggungjawab mereka untuk memastikan dana yang mencukupi tersedia dalam Akaun Simpanan-i AEON Bank bagi membolehkan pembayaran caruman dibuat tepat pada masanya. AEON Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian, tuntutan atau pembatalan perlindungan yang berpunca daripada kegagalan Ahli membuat pembayaran tepat pada masanya kepada Pengendali Takaful, termasuk tetapi tidak terhad kepada, dana tidak mencukupi atau kegagalan potongan.
 - 3.2.6 Tertakluk kepada pembayaran caruman tepat pada masanya oleh Ahli, Sijil akan diperbaharui secara automatik pada tarikh ulang tahun Sijil. Walau bagaimanapun, Pengendali Takaful berhak, mengikut budi bicara mutlak, untuk memperbaharui, membatalkan atau meminda Sijil pada tarikh ulang tahun dengan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada Ahli.
- 3.3 Pembatalan atau Penamatan Sijil
- 3.3.1 Ahli boleh membatalkan Sijil pada bila-bila masa melalui Aplikasi AEON Bank.
 - 3.3.2 Jika Ahli membatalkan Sijil dalam Tempoh Semakan Percuma, Sijil akan dibatalkan serta-merta dan perlindungan akan dianggap tidak pernah berkuat kuasa sejak awal. Dengan syarat tiada tuntutan telah dibuat, semua caruman yang telah dibayar oleh Ahli akan dipulangkan sepenuhnya ke Akaun Simpanan-i AEON Bank milik Ahli.
 - 3.3.3 Jika Ahli membatalkan Sijil selepas tamat Tempoh Semakan Percuma, perlindungan di bawah Sijil akan kekal berkuat kuasa sehingga tarikh akhir kitaran bil semasa, selepas itu semua perlindungan akan ditamatkan. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang caruman yang telah dibuat tidak akan dikembalikan.
 - 3.3.4 Sebarang pengaktifan semula perlindungan di bawah Produk Takaful selepas pembatalan adalah tertakluk kepada keperluan penilaian risiko (*underwriting*), kelulusan terdahulu, serta terma dan syarat yang berkenaan oleh Pengendali Takaful.
- 3.4 Penamaan
- 3.4.1 Ahli boleh menamakan sehingga dua (2) individu sebagai benefisiari ("**Penama**") semasa membuat permohonan bagi Produk Takaful melalui Aplikasi AEON Bank.

- 3.4.2 Selepas permohonan awal dibuat, sebarang kemas kini atau perubahan kepada Penama boleh dilakukan oleh Ahli melalui Portal Pelanggan Zurich atau dengan menghubungi terus Pengendali Takaful melalui e-mel atau talian khidmat pelanggan, seperti yang dinyatakan dalam Sijil berkaitan.
- 3.4.3 Sekiranya dua (2) Penama dinamakan, Ahli boleh menetapkan kadar bahagian manfaat Takaful yang akan diagihkan kepada setiap Penama. Jika tiada penetapan dibuat, Pengendali Takaful akan membayar manfaat Takaful kepada Penama secara sama rata.
- 3.5 Tuntutan
- 3.5.1 Ahli boleh mengemukakan tuntutan melalui Aplikasi AEON Bank. Walau bagaimanapun, semua urusan pemprosesan, penilaian dan kelulusan tuntutan adalah dikendalikan sepenuhnya oleh Pengendali Takaful. AEON Bank tidak akan bertanggungjawab atas sebarang keputusan, kelewatan atau hasil tuntutan yang dibuat oleh Pengendali Takaful.
- 5.9.2 Untuk butiran penuh mengenai prosedur tuntutan, dokumen yang diperlukan serta tempoh pemprosesan, Ahli dinasihatkan merujuk kepada Dokumen Takaful bagi Produk Takaful yang berkaitan.

4. Terma & Syarat Am

- 4.1 Untuk menyertai Produk Takaful, Ahli mestilah memenuhi Kriteria Kelayakan yang ditetapkan. Dengan menyertai Produk Takaful, Ahli bersetuju untuk terikat kepada Terma dan Syarat ini.
- 4.2 Ahli dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini bersama-sama dengan dokumen berikut ("**Dokumen Takaful**"), yang boleh didapati melalui bahagian Pusat Takaful dalam Aplikasi AEON Bank:
- a. Helaian Pendedahan Produk bagi Produk Takaful;
 - b. Sijil Takaful
 - c. Kewajipan Pendedahan (*Duty of Disclosure*)
 - d. AQAD
 - e. Bahan Maklumat Sistem Perlindungan Manfaat Insurans dan Takaful PIDM
- 4.3 Dengan menyertai Produk Takaful, Ahli adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, Dokumen Takaful serta mana-mana terma dan syarat lain yang berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akaun Simpanan-i AEON Bank dan Kad Debit-i AEON Bank.
- 4.4 AEON Bank hanya bertindak sebagai pengedar Produk Takaful. AEON Bank tidak menerima sebarang tanggungjawab, kewajipan atau liabiliti terhadap Produk Takaful dan perkhidmatan yang disediakan oleh Pengendali Takaful. Pengendali Takaful hendaklah memikul sepenuhnya segala tanggungjawab, kewajipan dan liabiliti berhubung dengan Produk Takaful, termasuk pematuhan Syariah.
- 4.5 Produk Takaful ditaja jamin oleh Zurich Takaful Malaysia Berhad dan Zurich General Takaful Malaysia Berhad. Dengan menyertai Produk Takaful, Ahli juga bersetuju untuk terikat kepada terma dan syarat Produk Takaful serta terma dan syarat lain yang berkaitan sebagaimana yang mungkin dikenakan oleh Pengendali Takaful.
- 4.6 AEON Bank dan/atau Pengendali Takaful, mengikut mana-mana yang berkenaan, berhak untuk membatalkan kelayakan atau menolak mana-mana Ahli, atau menggantung atau menamatkan mana-mana Sijil, sekiranya Ahli didapati atau disyaki dengan munasabah telah melanggar Terma dan Syarat ini, atau

menyalahgunakan Produk Takaful atau proses permohonan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penglibatan dalam aktiviti penipuan, mengelirukan atau menyalahi undang-undang.

- 4.7 Dengan menyertai Produk Takaful, Ahli bersetuju dengan [Notis Privasi](#) AEON Bank di mana Ahli bersetuju dan memberi kebenaran untuk membolehkan data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh AEON Bank.
- 4.8 Dalam apa jua keadaan, AEON Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, kerugian langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas) oleh mana-mana pihak walau bagaimana sekalipun timbul, sama ada melalui kontrak, tort, kecuai atau sebaliknya, yang berkaitan dengan Produk Takaful.
- 4.9 AEON Bank tidak akan dalam apa-apa cara sekalipun dipertanggungjawabkan atau dianggap bertanggungjawab atas sebarang kegagalan melaksanakan kewajipannya sama ada secara keseluruhan atau sebahagian yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada kegagalan mana-mana peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kegagalan elektrik, pertikaian industri, peperangan, mogok, rusuhan, pandemik, atau sebarang bencana alam di luar kawalan AEON Bank atau disebabkan oleh apa-apa faktor berbentuk force majeure yang berada di luar kawalan munasabah AEON Bank.
- 4.10 AEON Bank serta pegawai, kakitangan, wakil dan/atau ejen-ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh AEON Bank) tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menerima sebarang liabiliti dalam apa jua bentuk sama ada yang dialami oleh Ahli atau mana-mana pihak ketiga yang berpunca secara langsung atau tidak langsung daripada penyertaan Ahli dalam Produk Takaful. Sebarang kerugian, kerosakan dan tuntutan yang dialami oleh Ahli hendaklah menjadi tanggungjawab Pengendali Takaful, kecuali jika ia berpunca secara langsung daripada kecuai melampau atau salah laku sengaja AEON Bank yang berkaitan secara khusus dengan kewajipannya di bawah ini.
- 4.11 Ahli hendaklah menanggung semua kos, yuran, perbelanjaan dan caj yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan, penyelenggaraan atau penamatan Sijil.
- 4.12 AEON Bank berhak untuk mengubah, meminda dan/atau menyemak mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Ahli melalui laman sesawang Bank atau Aplikasi AEON Bank.
- 4.13 AEON Bank berhak untuk membatalkan, menggantung atau menamatkan ketersediaan Produk Takaful (sama ada secara keseluruhan atau sebahagian) pada bila-bila masa, dengan memberikan notis yang munasabah terlebih dahulu melalui laman sesawang AEON Bank, Aplikasi AEON Bank, atau mana-mana kaedah lain yang ditentukan oleh Bank.
- 4.14 Terma dan Syarat ini hendaklah ditadbir dan ditafsir selaras dengan undang-undang Malaysia. Sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 4.15 Keputusan AEON Bank dan/atau Pengendali Takaful, mengikut mana-mana berkenaan, berhubung dengan apa-apa perkara yang berkaitan dengan Produk Takaful adalah muktamad dan mengikat.

- 4.16 Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma dan Syarat ini dengan mana-mana bahan pengiklanan, promosi atau publisiti yang berkaitan dengan Produk Takaful, Terma dan Syarat ini akan mengatasi bahan tersebut.
- 4.17 Terma dan Syarat ini juga boleh didapati dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, pertentangan, kekaburan atau perbezaan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diutamakan.